

# **TEKS UCAPAN**

**YB DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF**

**MENTERI KERJA RAYA**

**SEMPENA**

**PERHIMPUNAN BULANAN**

**KEMENTERIAN KERJA RAYA**

**BULAN MAC 2016**

**PADA**

**28 APRIL 2016**

**(KHAMIS)**

**BERTEMPAT DI**

**DEWAN TAN SRI MAHFOZ KHALID**

**KOMPLEKS KERJA RAYA**

Terima kasih saudara Pengacara Majlis.

YBhg. Datuk Haji Sarani bin Dollah

Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)

YBhg. Dato' Abdul Razak bin Jaafar

Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Pembangunan)

YBhg. Datuk Ir. Hj. Adanan bin Mohamed Hussain

Ketua Pengarah Kerja Raya

YBhg. Dato' Ir. Haji Ismail bin Md Salleh

Ketua Pengarah

Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM)

YBhg. Dato' Ir. Ahmad 'Asri Bin Abdul Hamid

Ketua Eksekutif

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)

Pegawai-Pegawai Kanan Kementerian dan Agensi,

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Satu Malaysia,

1. Terlebih dahulu sukacita saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T dengan limpah izin dan inayah-nya jua, maka kita dapat bersama berhimpun pada pagi yang mulia ini. Selawat dan Salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga serta para sahabat baginda.

Hadirin yang dihormati sekalian,

## **LAPORAN PROGRAM TRANSFORMASI NEGARA (NTP) 2016**

2. Seperti yang kita sedia maklum, Program Transformasi Negara (NTP) yang telah dilaksanakan kerajaan sejak lima tahun lalu melalui Program Transformasi Kerajaan (GTP) dan Program Transformasi Ekonomi (ETP) telah dibentangkan oleh YAB. Perdana Menteri Malaysia di ANgkasapuri pada 26 April yang lalu. Alhamdulillah, segala perancangan yang telah dilakarkan dalam program NTP telah membuahakan kejayaan cemerlang. Meskipun berdepan dengan kemelut ekonomi global, GTP dalam Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) telah mencapai Petunjuk Prestasi Utama (KPI) hampir sempurna iaitu 99 peratus. Hal yang sama jelas beliau, berlaku dalam ETP apabila Bidang Ekonomi Utama Negara mencapai ke tahap 111 peratus KPI, manakala Inisiatif Keberhasilan Utama Negara pula turut mencapai 99 peratus KPI penyampaianya. Pencapaian cemerlang itu bukan sekadar sandiwara atau wayang sepertimana yang diomong oleh sesetengah pihak, tetapi ianya boleh diukur menerusi lima petunjuk besar kejayaan NTP sehingga meletakkan ekonomi Malaysia pada trajektori yang tepat dan berdaya tahan.

3. Manakala dalam aspek Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pula, Alhamdulillah, meskipun dalam keadaan ekonomi global yang mencabar, Malaysia dengan perancangan rapi serta pemantauan berterusan mencatat pertumbuhan purata KDNK 5.6 peratus sejak 2010. Kadar purata 5.6 peratus ini memberi gambaran yang jelas bahawa ekonomi Malaysia masih dalam keadaan yang baik dan merupakan antara negara yang mencatatkan pertumbuhan terbaik di ASEAN pada tahun lepas.

4. Selain itu, kejayaan dan pencapaian NTP kali ini juga dapat dipotretkan melalui disiplin fiskal, yang mana kerajaan dapat mengendalikan hutang negara sehingga berjaya mengurangkan defisit fiskal daripada 6.7 peratus pada 2009 kepada serendah 3.2 peratus pada 2015. Hasil daripada disiplin fiskal yang baik inilah, secara tidak langsung kos pinjaman negara adalah rendah, sekali gus

merangsang keyakinan pasaran terhadap kedudukan kredit Malaysia untuk terus berada pada tahap yang tinggi.

5. Selain itu, Petunjuk besar yang ketiga dalam laporan NTP kali ini ialah Pendapatan Negara Kasar Perkapita Negara. Jumlah Pendapatan Negara Kasar Perkapita sekitar RM28,000 pada 2010 telah meningkat 30 peratus menjadi lebih RM35,000 pada tahun 2015. Walaupun dengan situasi kemeruapan ekonomi global yang tidak menentu, kita harus berbangga apabila Malaysia turut mencatat lebihan dagangan selama 220 bulan berturut-turut sejak November 1997 dan ini sama sekali jelas membuktikan ekonomi Malaysia kekal berdaya tahan walaupun hanya sebuah negara kecil. Kejatuhan beberapa mata wang utama dunia juga turut menjejaskan nilai mata wang ringgit. alhamdulillah, dengan perancangan dan strategi yang betul, Ringgit telah mencapai tahap tertinggi 3.865 berbanding dolar Amerika pada 13 April 2016, meningkat 11 peratus sejak akhir tahun 2015 manakala Saham Bursa Malaysia telah terjual kepada para pelabur luar negara bernilai RM6.4 bilion setakat 22 April, 2016.

6. Kejayaan NTP ini diperkukuhkan lagi dengan pengukuran hasil penarafan diterima Malaysia daripada badan serta agensi penarafan antarabangsa sejak 2010 yang menyaksikan '*rating*' negara terus meningkat di mata dunia dan yang terbaharu, Malaysia merupakan satu-satunya negara pasaran baharu yang tersenarai dalam 10 terbaik bagi Pembangunan Pasaran Kewangan Global.

## **PENGUBAHSUAIAN BAJET**

7. Umum diketahui, senario ekonomi global yang tidak menentu seperti kejatuhan harga minyak dunia dan ketidaktentuan tukaran wang asing turut memberi kesan kepada ekonomi khususnya pendapatan negara. Data semasa IMF menunjukkan pertumbuhan ekonomi global akan lebih perlahan, iaitu daripada 3.6 peratus ke 3.4 peratus. Perdagangan dunia juga dijangka menyusut daripada 4.1 peratus kepada 3.4 peratus. Justeru, YAB Perdana Menteri pada 28 Januari 2016 yang lalu telah mengumumkan Pengubahsuaian Bajet 2016 yang berpaksikan 2 tunjang utama iaitu memastikan pertumbuhan ekonomi terus kukuh atas landasan yang betul dan menjaga serta memelihara kebajikan dan kesejahteraan hidup rakyat.

8. Kerajaan telah mengumumkan 11 langkah penstrukturan dan pengubahsuaian bajet demi memastikan ekonomi kewangan kekal berada pada jajaran yang betul. Antara langkah-langkah tersebut ialah potongan caruman KWSP, pelepasan cukai, meningkat hasil dan penjualan pertanian serta insentif pemilikan rumah baharu. Bagi perbelanjaan pembangunan pula, fokus akan diberikan projek dan program yang mendahulukan kepentingan rakyat serta mempunyai kesan pengganda yang tinggi dan kandungan import yang rendah.

9. Projek fizikal yang diutamakan adalah seperti pembinaan rumah mampu milik, hospital, sekolah, jalan raya dan pengangkutan awam serta keselamatan. Pelaksanaan projek bukan fizikal dan projek yang masih di peringkat kajian akan dijadual semula. Langkah ini, dijangka melibatkan pengurangan komitmen aliran tunai sehingga 5 bilion ringgit serta tidak menjejaskan ekonomi dan rakyat. Pelaksanaan projek utama seperti MRT dan LRT, Lebuhraya Pan-Borneo, Malaysian Vision Valley, Cyber City Centre, RAPID Pengerang dan High Speed Rail akan diteruskan.

10. Seterusnya di sektor awam pula, Kementerian Kewangan juga telah mengeluarkan Garis Panduan Langkah-Langkah Mengoptimumkan Perbelanjaan Kerajaan berkuatkuasa 11 Mac 2016 yang melibatkan langkah-langkah proaktif dan instruktif wajar dilaksanakan secara bersepadu oleh semua pihak melibatkan perjawatan, elaun lebih masa, perbelanjaan utiliti, sewaan dan penganjuran acara rasmi. Manakala bagi perbelanjaan pembangunan hanya melibatkan penangguhan dan penjadualan semula projek-projek yang mempunyai komponen import yang tinggi, menangguh projek-projek bukan fizikal yang bersifat kajian-kajian kemungkinan (*feasibility*) serta pemberian geran kepada industri perlu diperhalusi bagi memastikan pelaburan kerajaan benar-benar memberi manfaat kepada negara.

Hadirin yang dihormati sekalian,

11. Ekonomi negara dijangka berkembang pad kadar 4% hingga 4.5% pada tahun ini. Kebergantungan terhadap hasil minyak dan gas telah dikurangkan kepada 21% berbanding lebih 40% pada tahun 2009. Tahun 2016 merupakan tahun

pertama pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesebelas yang bertemakan “**Pertumbuhan Berpaksikan Rakyat**”. Semua pihak diseru agar berusaha bersungguh-sungguh untuk menjayakan agenda pembangunan negara dengan memastikan setiap program dan projek yang telah dirancang dilaksanakan sepenuhnya bagi merealisasikan matlamat Malaysia menjadi negara maju yang inklusif dan mampan selaras dengan Wawasan 2020.

12. Secara keseluruhan dapatlah kita gariskan lima perkara ‘*as the key salient point*’:

- Pertama: Langkah pengubahsuaian bajet 2016 merupakan langkah proaktif, telus dan realistik seiring dengan cabaran ekonomi semasa;
- Kedua: Ekonomi negara masih utuh, tumbuh dan berkembang serta berdaya tahan dipacu oleh aktiviti ekonomi domestik;
- Ketiga: Kesejahteraan rakyat akan terus didahulukan dan penyampaian perkhidmatan Kerajaan tidak terjejas;
- Keempat: Kerajaan komited melaksanakan langkah konsolidasi fiskal; dan
- Kelima: Pengubahsuaian bajet ini bertunjangan kepada prinsip ‘*shared responsibility*’ oleh segenap lapisan masyarakat.

Hadirin yang dihormati sekalian,

### **KESETIAN DAN INTEGRITI PENJAWAT AWAM**

13. Sebagai sebuah negara yang menjulang prinsip demokrasi, sudah semestinya kita sebagai rakyat di dalam negara ini berhak memilih dan menyuarakan pendapat masing-masing. Namun usahlah kita ketepikan tunjang kepada kemakmuran dan kestabilan yang kita nikmati sehingga hari ini iaitu Kesetiaan kepada raja, negara. Dalam konteks politik, Kerajaan yang memerintah atau *government of the day* yang diberi mandat oleh rakyat inilah yang mendasari etika profesionalisme kita sebagai penjawat awam. Dengan demikian, sebagai penjawat awam, kita hendaklah sentiasa menjaga nama baik dan imej perkhidmatan. Kepercayaan dan keyakinan rakyat kepada Kerajaan dan perkhidmatan awam akan hanya dapat diraih menerusi taat setia penjawat awam yang tidak berbelah-bahagi.

14. Perlulah diingat bahawa selain kesetiaan, integriti merupakan tunjang kepada kejayaan organisasi. Malangnya, terdapat insiden negatif seperti pembocoran maklumat rasmi yang belum disahkan oleh pihak berwajib hingga menjadi “viral” dalam media sosial. Ketirisan maklumat terperinci dan penyebaran berita-berita palsu boleh mengancam ketenteraman dan keselamatan negara. Justeru, tuan-tuan dan puan-puan berkewajiban untuk menjaga kerahsiaan maklumat penting dan memelihara keselamatan negara. Patuhi ikrar perkhidmatan dengan sepenuh integriti dan jangan biarkan kegiatan negatif ini berlaku sehingga menjejaskan imej dan kredibiliti perkhidmatan awam.

### **PENARAFAN ANTARABANGSA**

15. Walau pun negara mengalami ketidak tentuan, agensi penarafan antarabangsa masih mengiktiraf negara kita dan memberikan keyakinan masyarakat antarabangsa ke atas ekonomi dan kedudukan kewangan Malaysia. *Fitch Ratings* mengesahkan Penarafan Kemungkinan Penerbit (IDR) mata wang asing dan tempatan jangka panjang Malaysia masing-masing kepada 'A-' dan 'A' dengan unjuran stabil. Penarafan ini didorong oleh komitmen kerajaan terhadap usaha pengukuhan fiskal, kestabilan ringgit serta pertumbuhan rizab dan ekonomi yang lebih kukuh.

16. Fitch turut melihat unjuran ekonomi makro dalam ubahsuai bajet adalah realistik dengan harga minyak diunjur berlegar purata AS\$30 ke AS\$35 setong bagi tahun 2016, sementara pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) diunjur tumbuh dalam lingkungan 4 ke 4.5 peratus. Fitch turut menjangkakan nisbah hutang kerajaan persekutuan berbanding KDNK tumbuh sederhana sehingga 2017 di bawah had siling yang ditetapkan iaitu 55 peratus.

### **PELAN STRATEGIK ORGANISASI KKR 2016 – 2020**

17. Bagi memperkasakan sistem tadbir urus dan meningkatkan mutu kecekapan penyampaian perkhidmatan, Kementerian Kerja Raya telah pun menyemak semula Pelan Strategik Organisasi (PSO) KKR bagi tahun 2016–2020. Dibawah PSO bagi

tempoh lima (5) tahun ini, KKR telah menggariskan Visi, Misi KKR yang baharu yang merangkumi 5 teras utama, 19 teras strategik dan 86 Pelan Tindakan.

PSO ini telah dihasilkan melalui beberapa siri bengkel yang dihadiri oleh pegawai-pegawai kanan Kementerian bersama-sama pegawai JKR, LLM dan CIDB semenjak April 2015 dengan mengambilkira matlamat dan hala tuju Rancangan Malaysia Ke Sebelas (RMKe-11) dan Construction Industry Transformation Programme (CITP).

5 teras utama PSO KKR bagi tempoh 2016 hingga 2020 ini adalah;

**Teras 1 - Pembangunan Infrastruktur Jalan, Lebuhraya Dan Bangunan;**

**Teras 2 - Penyenggaraan Infrastruktur Jalan, Lebuhraya Dan Bangunan;**

**Teras 3 - Pemantapan Industri Pembinaan Berteraskan Pembangunan Lestari;**

**Teras 4 - Pemantapan Modal Insan Dan Daya Saing Penggiat Industri Pembinaan Di Malaysia; dan**

**Teras 5 - Pemantapan Tadbir Urus Organisasi**

Justeru, saya menyeru setiap bahagian, cawangan, unit di Kementerian Kerja Raya, Jabatan Kerja Raya, Lembaga Lebuhraya Malaysia dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan supaya dapat memberikan komitmen dan kerjasama jitu dengan memainkan peranan masing-masing dalam menjayakan PSO ini supaya sasaran kita untuk terus menjadi peneraju pembangunan infrastruktur dan industri pembinaan negara dapat terus direalisasikan menjelang tahun 2020.

Hadirin yang dihormati sekalian,

### **PROGRAM 'BRANDING' LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA (LLM)**

18. Selaras dengan aspirasi Kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju menjelang tahun 2020, usaha meningkatkan imej LLM berteraskan visi menjadikan LLM bertaraf dunia dalam pembangunan, pengurusan dan kawalseliaan lebuhraya akan diteruskan melalui program *Branding*.



19. Objektif utama program *Branding* LLM ini adalah, pertama mewujudkan pentadbiran yang cekap, berdisiplin dan pengamalan nilai-nilai murni dan etika melalui penambahbaikan berterusan. Kedua, merancang dan melaksanakan program *Branding* bagi meningkatkan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan dan imej LLM dan ketiga, mengenal pasti dan menyelesaikan isu-isu semasa yang memberi impak tinggi kepada LLM dan kesan positif serta nilai tambah kepada rakyat. LLM bersama-sama syarikat konsesi akan berganding bahu dalam menambah baik perkhidmatan lebuhraya disamping memantapkan lagi '*public engagement*' sama ada di peringkat pembinaan, penyelenggaraan dan kawalseliaan lebuhraya. Program Branding ini telah dimulakan dengan program pertamanya iaitu pada 14 Mac 2016 yang lalu, LLM bersama syarikat konsesi telah melancarkan **Buku Panduan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan di Tapak Bina dan Aktiviti Mega ToolBox Talk di Tapak Projek Tun Razak Link (DUKE Fasa 2)**.

20. *Mega Toolbox Talk* merupakan salah satu inisiatif LLM bagi memastikan penglibatan pengurusan tertinggi di dalam sesuatu projek pembinaan dan dapat menzahirkan komitmen serta tanggungjawab terhadap keutamaan dalam aspek keselamatan dan kesihatan. Program ini akan diadakan secara berkala dengan penglibatan semua pekerja. Pihak kontraktor perlu menjadi '*champions of safety*' kepada pekerja di semua peringkat. Budaya kerja yang selamat dan sihat perlu diterapkan pada setiap masa. Di dalam program *Mega Toolbox Talk* ini, pengurusan tertinggi syarikat konsesi perlu memberi taklimat dan motivasi kepada semua pekerja bagi menggalakkan budaya kerja yang selamat dan sihat dalam proses kerja. Majikan selaku pihak yang mewujudkan peluang pekerjaan dan yang mewujudkan risiko perlu mengambil tanggungjawab ini sepertimana yang termaktub di dalam Seksyen 15 Akta Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan 1994.

Hadirin yang dihormati sekalian,

**MINGGU PEMBINAAN ANTARABANGSA (ICW) 2016, KUALA LUMPUR, 11 – 15  
APRIL 2016**

21. Minggu Pembinaan Antarabangsa 2016 (*International Construction Week 2016 – ICW 2016*) yang berlangsung pada 11 hingga 15 April 2016 merupakan program kali ke-16 yang dianjurkan oleh CIDB sejak penganjurannya bermula pada tahun 1999. Penganjuran ICW 2016 adalah untuk mengumpulkan pakar-pakar sektor pembinaan dari dalam dan luar negara bagi berkongsi maklumat, ilmu pengetahuan dan hasil penyelidikan berkaitan industri pembinaan.

22. ICW 2016 merupakan program utama bagi industri pembinaan yang melibatkan penyertaan dari dalam dan luar negara. Objektif utama ICW 2016 adalah untuk menyediakan satu platform kepada penggiat industri pembinaan untuk mempamer dan meningkatkan pengetahuan mengenai produk dan perkhidmatan yang berinovasi serta membina jalinan strategik dan juga peluang perniagaan yang memberangsangkan.

23. Selain itu, ICW 2016 juga bertujuan untuk membantu industri dalam meningkatkan kualiti binaan, kompetensi, produktiviti melalui pendedahan kepada inovasi terkini, produk atau komponen, perkhidmatan, teknologi canggih dan amalan terbaik oleh pakar-pakar industri dari dalam dan luar negara untuk pembangunan yang lestari.

24. Tema ICW 2016 adalah "*Driving Productivity in Construction*" yang menggabungkan beberapa program yang meliputi pameran, seminar, bengkel dan persidangan, pertandingan rekabentuk pembinaan dan karnival kerjaya. Tema kali ini memberikan fokus kepada peningkatan produktiviti menerusi mekanisasi dan automasi yang dilihat berupaya meningkatkan mutu kerja di samping dapat menjimatkan tenaga kerja, kos dan kecekapan dalam pengurusan masa.

### **ASEAN SKILLS COMPETITION (ASC) 2016**

25. Malaysia akan menjadi tuan rumah bagi ASEAN Skills Competition (ASC) 2016 yang akan diadakan dari **19 hingga 29 September 2016 di Malaysia Agro Exposition Park Serdang (MAEPS), Serdang, Selangor**. Kali terakhir Malaysia menjadi tuan rumah ASC adalah pada tahun 2008. ASC merupakan pertandingan kemahiran peringkat antarabangsa yang disertai oleh para belia mahir daripada 10 negara ASEAN diadakan setiap 2 tahun sekali dan dihoskan secara bergilir-gilir di

kalangan negara-negara di Asia Tenggara ini. Pertandingan ini merupakan landasan kepada belia negara ASEAN untuk bertanding, mendapat pengiktirafan dan memperolehi peluang untuk menonjolkan bakat dan kemahiran di peringkat rantau ini.

26. ASC 2016 yang merupakan siri ke-11 ini adalah anjuran bersama oleh Kementerian Kerja Raya dan Kementerian Sumber Manusia. Karnival dan Ekspo Kemahiran Kebangsaan dijadual akan turut diadakan di MAEPS semasa ASC 2016 berlangsung. Sebanyak 25 bidang kemahiran akan dipertandingkan sempena ASC 2016 di mana 7 bidang kemahiran pembinaan akan diselia oleh Kementerian Kerja Raya manakala 18 bidang kemahiran di bawah Kementerian Sumber Manusia. Bidang kemahiran yang dipertandingkan ini amat penting dalam pembangunan Latihan dan Pendidikan Vokasional Teknikal (TVET) bagi melahirkan lebih ramai tenaga mahir tempatan yang berkualiti dan berwibawa selaras dengan keperluan tenaga mahir negara.

27. Jawatankuasa kerja yang diterajui oleh KKR dan Agensi telah ditubuhkan bagi melicinkan pelaksanaan penganjuran ASC 2016. Komitmen jawatankuasa kerja ini dan sokongan warga KKR keseluruhannya amat penting dalam usaha memastikan kejayaan penganjuran ASC 2016. Saya berharap agar semua peserta negara di kalangan golongan belia yang menyertai pertandingan ini dapat beroleh kejayaan yang cemerlang serta meraih kejuaraan di dalam ASC 2016 yang merupakan acara peringkat antarabangsa yang melibatkan pihak KKR.

### **PENILAIAN INDEKS PENARAFAN BINTANG (SSR)**

28. Pada tahun 2015 yang lalu, Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan (MAMPU), Jabatan Perdana Menteri (JPM) telah melaksanakan Penilaian Indeks Penarafan Bintang (Indeks SSR) bagi Kementerian-Kementerian dan Agensi-Agensi Kerajaan. Sukacita saya maklumkan di sini bahawa Kementerian Kerja Raya telah mendapat **Penarafan 5 Bintang**, manakala Jabatan Kerja Raya juga mendapat **Penarafan 5 Bintang** bagi kategori agensi pusat dan jabatan utama merangkumi 4 bidang fokus utama iaitu Pematuhan, Kualiti, Transformasi dan Inovasi.

29. Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada semua warga KKR dan JKR di atas pencapaian ini khususnya kepada Ketua Setiausaha dan Ketua Pengarah Kerja Raya yang menjadi watak penting dalam lakaran kejayaan ini. Semoga pencapaian cemerlang ini akan diteruskan pada tahun-tahun akan datang dan penambahbaikan berterusan dilakukan terhadap sebarang kelemahan yang telah dikenalpasti berdasarkan komponen, bidang fokus dan kriteria model Indeks SSR.

## **PENUTUP**

30. Akhir kata, Sama-samalah kita berdoa semoga negara kita terus kukuh, maju dan sentiasa di bawah payung kerahmatan oleh Allah SWT...Aamiin

Sekian, Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi

wabarakatuh.

Terima kasih.